

الجامعة الإسلامية العالمية

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

KUMPULAN KES-KES NAFKAH
DI MESIR

TAHUN 1350 - 1352

TAHUN 1930 - 1933

DISEDIAKAN:

O

L

E

H

SYEIKH ZAINOL BIN HAJI EMBON
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

SESSI 88/89

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

PENYELIA

PROFESOR MADYA ABDULLAH BIN ABU BAKAR
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

P E N G H A R G A A N

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu wataala
Salawat dan salam kepada Saidina Rasulillah.

1. Penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kedah Darulaman dan Jabatan Ugamanya.
2. Kepada Universiti Islam Antara Bangsa serta pensyarahnya.
3. Kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Pegawainya.
4. Kepada Professor Madya Ustaz Abdullah bin Abu Bakar penyelia Projek ini khasnya.
5. Kepada mana-mana pihak yang saya berhutang budi terhadapnya.
6. Salam sejahtera dan taufiq hidayah kepada sekeliannya.

P R A K A T A

Alhamdulillah segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu wataala dan salawat serta salam kepada Saidina Muhammad s.a.w.

Dengan izin Allah subahanahu wataala dapatlah saya sempurnakan penterjemah sebanyak sepuluh kis-kis yang bersangkutan dengan tuntutan nafkah dari Mahkamah Syariah di Negeri Mesir yang dipetik dari Majalah Al-Muhamah Al-Syariah yang berasal dari bahasa Arab ke dalam Bahasa Malaysia.

Kerja terjemahan ini ialah merupakan latihan Ilmiah untuk membolehkan saya mengemukakan kepada Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, sebagai satu syarat untuk mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Saya rasa kerja penterjemahan serupa ini menghendaki pengalaman yang luas dalam bidang bahasa yang hendak diterjemahkan dan juga penterjemah itu juga haruslah matang di dalam Bahasa Malaysia itu sendiri. Oleh itu saya memohon maaf jika apa-apa kelemahan di dalam kerja-kerja penterjemahan ini didapati tidak memuaskan pembacanya.

Walaubagaimana pun saya berdoa mudahan kerja ini biarlah menjadi sebagai langkah pertama untuk mendorong saya ke dalam penulisan dan penterjemahan selain itu saya harap mudah-mudahan kerja menterjemah dari kis-kis yang berasal dari Bahasa Arab ke Bahasa Malaysia merupakan satu sumbangan kecil saya kepada bidang kehakiman Islam di negara ini walau pun tidak diambil kira.

Oleh itu saya harap kepada pembaca yang mulia, mudah-mudahan dapat memberi apa-apa pembetulan jika tersilap dan seterusnya memberi apa-apa teguran yang membina demi untuk menambah lagi bahan bacaan dalam Bahasa Malaysia dalam bidang kehakiman Islam.

M U Q A D D I M A H

Nafkah adalah satu perintah ugama terhadap orang lain, ia bererti mengeluarkan perbelanjaan kepada mereka-mereka yang wajib dinafkahinya dan dimaksudkan dengan perbelanjaan nafkah itu ialah semua perkara-perkara keperluan hidup seperti makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya lagi.

Dan belanja yang diwajibkan itu hendaklah diambil kira kepada keadaan kemampuan orang yang berkewajipan keatasnya nafkah, mengikut adat dan suasana negeri yang didiami oleh pihak satu lagi.

Diriwayat oleh Aishah r.a. katanya bahawa seorang wanita bernama Hindun bt Utbah, telah datang dan berkata kepada rasulullah s.a.w. katanya bahawasa Abu Sufian (suaminya) seorang lelaki yang bakhil dan tidak ia memberi saya nafkah (belanja) yang cukup untuk diri saya dan anak saya, melainkan apa yang saya ambil daripadanya (secara sulit) sedang ia tidak mengetahuinya. Sabda Rasulullah (sebagai jawapan kepadanya) Ambillah olehmu setakat mencukupi (dari hartanya) untuk kamu dan anak kamu dengan cara yang baik (berpatutan)

dan juga menjadi dalil atas perkara nafkah ini Allah subhanahu wataala berfirman di dalam Kitab suci mengikut maksud ayat di dalam surat Al-Talak ayat (7). Hendaklah orang yang ada kemampuan itu memberi nafkah mengikut kemampuannya dan bagi orang yang sempit rezekinya hendaklah (ia juga) memberi nafkah dari harta yang dikurniakan Allah kepadanya.

Mengikut pengertian istilah Mahkamah perkataan hendaklah bererti wajib dan tidak ada pilihan samada yang kaya atau miskin.

Nafkah atau perbelanjaan wajib itu mempunyai tiga sebab.

(1) Sebab perkahwinan.

Suami wajib memberi nafkah kepada isteri mengikut syarat-syarat yang dipertetapkan dalam syariat Islam.

(2) Sebab keturunan.

Wajib atas bapa memberi nafkah kepada anaknya yang masih belum baligh dan anak juga adalah berkewajipan menafkah kepada bapa dan ibunya jika cukup-cukup syarat-syaratnya demikian juga keluarga-keluarga yang terdekat yang lain.

: 3 :

(3) Sebab miliki hamba

Tuan kepada hamba adalah berkewajipan memberi
nafkah kepada hambanya mengikut syaratnya.



ISI KANDUNGAN

* * * * *

<u>BIL.</u>	<u>TAJUK</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	PRAKATA	
	MUQADDIMAH	
	ISI KANDUNGAN	
1	NAZLIAR HANIM ABDULLAH lawan NAJIAH MUSTAFA BAKIR (Nafkah dari perolehan harta wakaf)	1 - 4
2	ABD. RAHMAN AFANDI AYUB lawan JALAFDAN AHMAD SAID (Pohon kurang kadar nafkah)	5 - 8
3	MUHAMMAD MAHMUD MANTAWI lawan FATIMAH IBRAHIM AL-FIQQI (Nafkah anak kecil dan hadzanah)	9 - 12
4	JAMALUDDIN AFANDI EZZAT lawan AMINAH HANIM SHAKIB (Penambahan nafkah kerana anak bertambah besar)	13 - 15
5	ZAINAB HUSAIN ALI UBAID lawan MOHD. MAS'AD MOHAMMAD (Nafkah anak kecil - upah pelihara dan penyusuan)	16 - 20

6	ABD. MAJID AFANDI MOHAMMAD	21 - 27
	lawan	
	AHMAD AFANDI ABD. MAJID	
	(Nafkah dari anak kepada bapanya)	
7	PUAN AZIZAH GHANIM SALIM	28 - 34
	lawan	
	I'ATIDAL SA'ADON	
	(Nafkah anak kecil terhadap bapa yang cacat akal)	
8	ANTAR MOHD. AL-MANSYAWI	35 - 37
	lawan	
	ZAHARAH MUSTAFA AL-MANSYAWI	
	(Nafkah anak kecil dari hartanya sendiri)	
9	IHSAN HASAN ALI	38 - 41
	lawan	
	MOHD. AHMAD MAHMUD ABUL AININ	
	(Nafkah anak - upah pelihara tidak diambil kira jika tidak dikaitkan dengan perceraian)	
10	BAHIAH MABRUK YUSUF	42 - 47
	lawan	
	AHMAD HASSAN MANSOR	
	(Tuntutan nafkah eddah selepas yang menuntut berkata " beliau tidak ada lagi sebarang hak mengikut hukum syarak terhadap bekas suami ")	
11	PENUTUP	

NAZLIAR HANIM ABDULLAH

lawan +

NAJIAH MUSTAFA BAKIR

Dihadapan : Syeikh Ahmad Sulaiman Al-Abd
Syeikh Ahmad Al-Jadawi
Syeikh Abd. Jawad-Hasban-nabi

Mac 28-1932 bersamaan Zulkaedah 21 - 1350

Mahkamah Ibtidaiyah Al-Syariah, Mesir

Kes Rayuan Bil: 801/ 1931 - 1932

Bidangkuasa mahkamah syariah Juziyah (Rendah)
mendengar dan memutuskan kis, nafkah dari
perolehan harta wakaf.

PRINSIP:

Tidak ada bidangkuasa mahkamah Rendah Syariah
(Juziyah) untuk mendengar dan menetapkan kadar (membuat
keputusan) nafkah seseorang dari harta wakaf.

Dalam sidang mahkamah terbuka, tanggal Z'kaedah
21.1350 - Mac. 28.1932 dengan dipengerusikan oleh
Sh. Ahmad Sulaiman Al.Abd. Perayu, Puan Nazliar Hanim
Abdullah telah merayu terhadap penentang Puan Najiah
Mustafa Bakir, atas hukuman yang telah diputuskan oleh

(+) Majallah Al-Muhamah Al-Syariah, Mesir - Cetakan
Kahirah, Mesir, Jilid V - Halaman 125

Mahkamah Syariah Abidin dalam kes bil. 2286/1930-31 bertarikh Januari 25.1932.

Kadi dalam kes ini telah menjatuhkan hukuman dan perintah, supaya diberi nafkah sebanyak £ 5 untuk anak-anak penentang, mereka ialah Ruhiyah, Khairiyah, Na'amat dan Qadariyah. Kesemuanya adalah anak-anak perempuan bagi Al-Marhum Othman Afandi.

Mereka ini telah diberi nafkah atas perintah mahkamah dari hasil harta wakaf yang berada dibawah kawalan dan pengawasan yang merayu.

" Surat rayuan ulangbicara telah disempurnakan pada Feb. 6.1932 dan telah didaftarkan."

Kedua pihak telah hadir didalam sidang mahkamah wakil pihak merayu mengemukakan rayuan, dan rayuannya diterima. Dalam rayuannya yang merayu memohon supaya diketepikan perintah mahkamah sebelum ini (Abidin) dan mohon dikeluarkan perakuan yang mahkamah Abidin itu tidak ada bidangkuasa mendengar kes ini kerana bicara fasal wakaf tidak diberi bidangkuasa kepada mahkamah rendah (juziyiah) syariah (Abidin) mengikut prosidur mahkamah. Pihak yang merayu membangkitkan lagi dua perkara sebagai hujjah ini (i) Perintah mahkamah (ahliah) keluarga telahpun dikeluarkan supaya nafkah kepada anak-anak Al-Marhum Othman Afandi ini diberi dan (ii) dan sekarang salah

seorang dari anak-anaknya itu iaitu Puan Ruhayah Othman telahpun berkahwin, dan nafkahnya adalah tanggungjawab suaminya. Sebaliknya wakil penentang pohon mahkamah supaya menyokong dan mempertegohkan hukuman itu kerana hakim itu bertindak dengan betul dan sah.

PENGHAKILAN MAHKAMAH

Jemaah Hakim.

Mahkamah telah menghalusi surat-surat guaman bagi kes ini, dan mahkamah telah mendengar dan teliti hujjah-hujjah kedua belah pihak dan mahkamah membuat pertimbangan menikut undang-undang, maka kami mengambil keputusan seperti berikut:

- (i) dari segi permohonan perayu mahkamah dapati betul mengikut undang-undang;
- (ii) hukuman yang telah dijatuhkan oleh mahkamah Rendah Syariah, Abidin itu tidak sah kerana tidak ada bidang kuasa (ultra bairis) oleh itu hukuman itu hanya dianggap sebagai hukuman yang dikeluarkan oleh satu badan yang tidak mempunyai kuasa dan tidak boleh kes ini diperbincangkan oleh mahkamah

ini dan wajib dibatalkan sahaja.

HUKUMAN:

Kami memutuskan rayuan ini ditolak dan hukuman mahkamah rendah (juziyah) Abidin tidak sah kerana tidak ada bidang kuasa.



ABD. RAHMAN AFANDI AYUB

lawan +

JALAFDAN AHMAD SAID

Rayuan Ulangbicara (i) Sh. Mohd. Razik Saqr
dihadapan : (ii) Sh. Mohd. Ahmad Ewadz
(iii) Sh. Abd. Fattah

Kes 907/1931-1932 - Mac 30.1932 - Zulkaedah 23.1350

Nafkah - Pohon dikurangkan kadar nafkah
kerana perubahan masa dan keadaan.

PRINSIP:

- (i) Permohonan dikurangkan kadar nafkah disebabkan perubahan masa dan keadaan pihak-pihak adalah boleh didengar dan dipertimbangkan, sama ada diterima atau ditolak;
- (ii) Mahkamah tidak jadi halangan walaupun kes itu telah dibicara dan ditolak.

Mahkamah ulangbicara syariah (Ibtidaiyah) dalam sidang terbukanya pada Mac 30.1932 - dengan dipengerusikan oleh Sh.Mohd.Razik Saqr untuk mendengar rayuan daripada Abd. Rahman Afandi Ayub terhadap penentang Puan Jalafdan - atas hukuman mahkamah syariah (rendah) Saiyidah yang dijatuhkan pada Feb.

(+) Petikan Majallah Al-Muhamah Al-Syariah, Mesir.
Cetakan Kahirah, Mesir, Jilid V - Halaman 126.

14.1932 dalam kes bil. 471/1931-1932 - dan didaftar pada Feb. 29.1932, sebagai kes ulangbicara.

Dalam perbicaraan dimahkamah rendah (juziyah) wakil yang merayu telah memohon dikurangkan kadar hukuman yang telah dipertetapkan untuk kebajikan anak perempuannya daripada penentang dalam kes yang diputuskan iaitu kis bil. 721/1929-1930 dan telah ditetapkan 100 qurush untuk kebajikan kanak-kanak, 100 qurush untuk pakaian bagi tiap-tiap 4 bulan 50 qurush, bulanan upah khadam 200 qurush, untuk sewa rumah 300 qurush, upah pelihara (hadanah) dan menyusu. Permohonan ini dibuat adalah atas keadaan perayu dan keadaan ekonominya telah berubah. Wakil yang kena rayu telah menolah alasan-alasan tersebut dengan membangkitkan isu mahkamah itu tidak ada bilangkuasa dan menolak alasan kesempitan kewangan perayu kerana tidak ada bukti dan meninggalkan sumpah, kemudian wakil yang kena rayu menambah bahawa kes ini sama sekali dimahkamah ulangbicara kes bil. 202/1930-1931 hukuman dijatuhkan pada Sept. 7.1931.

Oleh itu mahkamah tersebut telah menolak tuntutan itu kerana keputusan yang telah lalu itu sudah diputus secara muktamad atas alasan persetujuan antara pihak-pihak (secara sah).

Wakil perayu merayu atashukuman itu dan me-

mohon supaya diketepikannya dan pohon dibicara semula sepertimana alasan-alasan yang diberi didalam surat rayuan ulangbicara, penentang tidak hadir.

PENGHAKIMAN MAHKAMAH:

- (i) Rayuan telah dibuat mengikut per-
atoran yang ditetapkan - dan kes
ini boleh didengar;
- (ii) Hukuman yang diputuskan oleh mah-
kamah rayuan dahulu tidak tepat
dengan tajuk rayuan - maka keputusan
yang dibuat seolah-olah rayuan itu
masih belum lagi didengar lagi dan
belum dibicara;
- (iii) Mahkamah rendah (juziyah) Saidah
membuat keputusan berdasarkan per-
setujuan (sulh) dan mahkamah rayuan
pula berpandu kepada keputusan ter-
sebut (sulh);
- (iv) Rayuan yang dibuat bukan untuk mem-
batalkan hukuman nafkah, tetapi tajuk
rayuan ialah memohon diringan nilai
bayaran nafkah tersebut disebabkan
perubahan struktur ekonomi perayu
dengan sebab-sebab yang tertentu
iaitu kelemahan ekonomi;

(v) Alasan wakil perayu dalam sidang mahkamah rendah Saidah yang menyatakan bahawa kelayannya telah berubah menjadi seorang yang susah selepas dia diperintah oleh mahkamah tempat beliau merayu adalah bersangkutan;

(vi) Oleh itu mahkamah ini berpendapat dan menjatuhkan hukuman seperti berikut:

Membatalkan keputusan mahkamah rendah Saidah dan kes ini hendaklah didengar semula oleh mahkamah tingkat pertama (محكمة اول درجة) mengikut hukum syarak.

MUHAMMAD MAHMUD MANTAWI

lawan +

FATIMAH IBRAHIM AL-FIQQI

Rayuan Ulangbicara (i) Sh. Mohd. Ahmad Ewadz
dihadapan: (ii) Sh. Ahmad Al-Maulid
(iii) Sh. Abd. Hamid Bassal

Jun 20.1932 - Safar 16.1351 - Kes 1465/1931-1932

Nafkah anak kecil - Tidak ada tanggungan
hadzinah (pemeliharaan) untuk membelanja
keatasnya selepas umut baligh dan tidak
ada hak hadzinah menuntut nafkah baginya.

PRINSIP:

Sesorang hadzinah tidak berkewajipan me-
nanggung nafkah kepada anaknya selepas baligh dan
tidak ada hak untuk menuntut nafkah baginya.

Dihadapan mahkamah terbuka ulangbicara yang
berlangsung pada Jun 20.1932 - Safar 16.1351 dengan
diketuai oleh Sh. Muhamad Ahmad Ewadz, untuk men-
dengar kes rayuan dari Mohd. Mahmud Mantawi terha-
dap penentang Puan Fatimah Ibrahim Al-Faqqi ber-
hubung dengan keputusan mahkamah rendah syariah
(حكمه الضواحي الشرعية) yang diputuskan pada Mei
1.1932 dalam kes tuntutan bil.179/1931-1932 - dengan
menolak tuntutan yang merayu yang memohon supaya

(+) Petikan Majallah Al-Muhamah Al-Syariah, Cetakan
Kahirah, Mesir, Jilid V - Halaman 135.

dimansohkan tanggungan membayar nafkah kepada penentang.

Wakil yang merayu adahadir dan penentang juga ada hadir dimahkamah, wakil yang merayu memohon rayuannya terhadap keputusan mahkamah yang menolak tuntutan yang merayu terhadap rayuannya tentang nafkah Zainab, kerana beliau sudah sampai had umur baligh, dan sesungguhnya kewajipan pemeliharaan atas ibunya sudah luput, dan keputusan mahkamah rendah langsung tidak menghiraukan kepada keterangan dan dalil-dalil serta hujjah-hujjah yang betul dan wakil iatu juga pohon diperentah keatas penentang ini supaya jangan lagi membuat apa-apa tuntutan atau kadar bersabit dengan budak perempuan ini mulai 1 Mei 1918.

Penentang bangun dan memohon supaya mahkamah mengukuhkan hukuman yang lalu kerana hukuman itu adalah sah dan beliau sekarang pun sedang menanggung nafkah keatas kanak-kanak ini.

PENGHAKIMAN MAHKAMAH:

- (i) Rayuan yang telah dilakukan dengan sempurna mengikut undang-undang diterima dan boleh didengar, isu yang

berbangkit ialah sama ada hukuman yang telah diputuskan itu menepati kehendak undang-undang atau tidak dan sejauh mana tuntutan itu dapat dipertimbangkan;

(ii) Dalam keterangannya pehak penentang sendiri telah mengaku bahawa kanak-kanak ini (Mahdzunah) Zainab telah dilahirkan pada Mei 28.1903 dan dengan sendirinya memastikan bahawa Zainab telah mencapai umur baligh sebelum Mei 1.1918 mengikut Tahun Hijrah;

(iii) Mengikut undang-undang bahawa mana-mana orang yang sudah sampai umurnya had baligh, maka soal hidupnya termasuklah nafkah atasdirinya adalah tanggungannya sendiri bukan lagi bertanggung atas ibunya;

(iv) Ibu bagi kanak-kanak yang telah baligh tidak lagi bertanggungjawab terhadap nafkah anak itu dan ibu itu juga tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang hukuman nafkah dari mahkamah untuk kanak-kanak yang telah baligh itu;

(v) Nafkah (Furu') anak-anak yang baligh yang miskin adalah tanggungjawab bapa

mereka, dan tidak ada hak bagi ibu mereka campurtangan atas soal nafkah mereka, kerana nafkah mereka adalah menjadi perhitungan secara langsung antara mereka dengan bapa mereka, oleh itu ibu (Penentang) tidaklah berhak mengambil daya usaha atas namanya mengatur segala perbelanjaan, atau menuntut nafkah dari pihak yang merayu kerana beliau tidak mempunyai hak disegi undang-undang;

(vi) Oleh yang demikian mahkamah berpendapat bahawa sepatutnya diketepikan hukuman mahkamah rendah (أول درجة) dan mahkamah menyokong atas rayuan perayu.

HUKUMAN:

Kami menerima rayuan ini secara umum, dan kami hukum bagi pihak perayu iaitu memansuhkan tuntutan penentang untuk melanjutkan bayaran nafkah anaknya Zainab, dan pemansuhan itu hendaklah berkuatkuasa mulai Mei 1.1918.

Mahkamah rendah telah memerintah keatas perayu kena tambah lagi 40 qurush pada tiap-tiap bulan sebagai tambahan nafkah kepada anaknya Mohd. Mahyuddin yang menjadikan jumlahnya sebanyak 130 qurush pada tiap-tiap bulan.

Perayu bangun dan memohon supaya diadili semula dan ponon diperturunkan kadar nafkah kepada had yang munasabah dengan kedudukannya, katanya ia telah dikurniakan lagi dua orang anak selepas hukuman ini dijalankan dan juga sedang memelihara seorang adik perempuan.

Penentang bangun dan menuntut supaya mahkamah mempertegohkan hukuman yang sedia ada, kerana kanak-kanak ini sudah bertambah besar, dan belanja upah menyusu sudah digugurkan (dan difahamkan kanak-kanak ini sudah mencapai umur dua tahun - walaupun begitu masih menyusu).

PENGHAKIMAN MAHKAMAH:

- (i) Rayuan dibuat menepati peratoran dan kes ini boleh didengar;
- (ii) Kanak-kanak yang bertambah umurnya adalah berhak mendapat kadar tambahan nafkah;
- (iii) Pertambahan kadar dipertimbangkan oleh mahkamah itu mengikut keperluan kanak-kanak dan kemampuan pihak perayu;

HUKUMAN:

Oleh itu mahkamah menerima rayuan perayu dan menghukum perayu kena bayar tambahan nafkah terhadap kanak-kanak ini sebanyak 20 qurush sahaja pada tiap-tiap bulan.



ZAINAB HUSAIN ALI UBAD (Peguan)

lawan +

MOHD. MAS'AD MOHAMMAD (Peguan)

Kes tuntutan bil. 1305/1930-1931 : Sept. 23.1931

Mahtamah Syariah Fort Said

Hakim: Sh. Mohd. Ali Abd. Majid

Naftah anak kecil - upah pelihara dan penyusuan, hak nafkah dan upah pelihara kebelakangan tuntutan oleh ibu - dicabar kerana kanak-kanak tinggal dengan orang lain.

PRINSIP:

Diterima tuntutan ibu kadar upah pelihara - upah penyusuan anak-anaknya kebelakangan dan tidak dianggap sebagai pembelaan bagi bapa dengan alasan bahawa kanak-kanak itu berada dibawah tangan orang lain.

Persidangan mahtamah rendah syariah di Fort Said pada Sept. 23.1931. Kes tuntutan bil. 1305/1930-1931. Yang menuntut Zainab Husain Ali Ubaid diwakili oleh Sh. Mohd. Abd. Azim Hijab - Peguan Syariah dan yang kena tuntutan Mohd. Mas'ad Mohammad

(+) Petikan Majallah Al-Muhamamah Al-Syariah-Cetakan Kahirah, Mesir-Jilid V - Halaman 280